



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

3 Disember 2019

**PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM CECAIR (LPG) DI BAWAH
KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) / JABATAN KASTAM DIRAJA
MALAYSIA (JKDM) DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EH WAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Subsidi LPG di bawah Kementerian Kewangan (MOF) / Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
2. PAC Parlimen mengadakan prosiding untuk isu ini pada 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019 selepas ia dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1.
3. Saksi yang dipanggil untuk prosiding ini adalah Datuk Siti Zauyah Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) MOF yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Paddy Abd Halim, Ketua Pengarah JKDM serta Datuk Muez Abdul Aziz, Ketua Setiausaha (KSU) KDPNHEP.

4. Ketika prosiding, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:

i. Ketirisan Subsidi

Ketirisan subsidi yang dianggarkan berjumlah RM1.717 bilion bagi tempoh pengauditan selama tiga tahun antara 2015 hingga 2017 akibat dari penggunaan silinder LPG yang disubsidi kerajaan oleh pengguna yang bukan daripada golongan sasar.

ii. Lebihan bayaran

Sejumlah RM45.50 juta telah terlebih bayar kepada syarikat pembekal. Ini kerana pembayaran dibuat oleh MOF tanpa menunggu semakan oleh JKDM dan tiada SOP di peringkat MOF yang menyebabkan masalah ini berlaku.

iii. Kelewatan Proses Tuntutan

Proses semakan dan kelulusan terhadap tuntutan melebihi tempoh 3 minggu iaitu di antara 14 hingga 649 hari.

iv. Pelantikan Pembekal Tanpa Perjanjian

Pelantikan pembekal LPG oleh MOF tidak melibatkan sebarang perjanjian atau dinyatakan proses serta kaedah pembayaran subsidi oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

v. Penguatkuasaan

a. Wujud pembekal / pengedar / peruncit LPG yang beroperasi tetapi telah luput kebenaran PDA dan Lesen Barang Kawalan Berjadual yang dikeluarkan oleh KPDNHEP.

- b. Kegagalan syarikat pemberong dan peruncit LPG untuk menyelenggarakan rekod stok dengan lengkap dan kemaskini.
5. Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- i) PAC Parlimen mendapati bahawa tiada dasar dan prosedur yang jelas mengenai pemberian subsidi gas LPG;
 - ii) PAC Parlimen juga mendapati tiada definisi khusus untuk kategori penggunaan domestik;
 - iii) PAC Parlimen juga mendapati tiada penetapan had atau limit tuntutan yang boleh dibuat oleh enam (6) pembekal LPG bersubsidi yang dilantik;
 - iv) PAC Parlimen telah menerima keterangan bahawa gas LPG bersubsidi dijual kepada pengguna seperti kedai dobi, hotel dan restoran;
 - v) PAC Parlimen telah mengambil maklum bahawa tiada kajian penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan ini menyukarkan penguatkuasaan dilakukan;
 - vi) PAC Parlimen telah mengambil maklum bahawa tiada data terhadap ketirisan gas subsidi LPG yang diseludup ke luar negara dan ia menyukarkan penguatkuasaan; dan

- vii) PAC Parlimen mengambil maklum bahawa JAN membuat anggaran bahawa berlaku ketirisan RM1.72 bilion dalam tempoh tiga tahun bermula 2015 hingga 2017 wang kerajaan akibat kegagalan membuat definisi golongan pengguna domestik.
6. Sehubungan itu, Jawatankuasa ini, mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) MOF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai maksud kegunaan domestik dan jenis kawalan yang dihasratkan bagi memastikan dasar tersebut adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta kepada Kementerian;
 - ii) Kerajaan perlu memastikan industri perhotelan dan dobi tidak menikmati sebarang gas LPG bersubsidi tetapi mempertimbangkan pembelian gas LPG bersubsidi oleh peniaga kecil dengan kuota tertentu;
 - iii) MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludup ke luar negara;
 - iv) KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguatkuasa bagi memastikan usaha mengekang penyelewengan gas LPG bersubsidi;
 - v) MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal dan SOP bagi proses pembayaran subsidi; dan

- vi) MOF perlu menjalankan satu penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program pemberian subsidi LPG bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati pengguna domestik yang ditetapkan.
7. Orang ramai yang berminat membaca Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Subsidi LPG di bawah Kementerian Kewangan (MOF) / Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berserta dengan *hansard* prosiding boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC Parlimen di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia